Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Annuar bin Hj Musa v Persatuan Bolasepak Malaysia & Anor

A

B

HIGH COURT (SHAH ALAM) — ORIGINATING SUMMONS NO 24–641–06 OF 2012
HADHARIAH SYED ISMAIL J
6 FEBRUARY 2014

C

Unincorporated Associations — Disciplinary proceedings — Football Association of Malaysia (FAM) — Deputy President of FAM (plaintiff) suspended 30 months and barred from involvement in football activities for making press statement criticising national football team — Plaintiff admitted making statement but contended it was personal opinion not touching on FAM's administration — Whether statement breached FAM's rule prohibiting officials from making such statement without FAM's approval — Whether disciplinary proceedings against plaintiff properly conducted without miscarriage of justice — Whether several allegations raised by plaintiff to nullify disciplinary proceedings baseless

D

E

The plaintiff, who was Deputy President of the Football Association of Malaysia ('FAM') for the 2010–2014 term was suspended by FAM for a total of 30 months, and prohibited from involvement in its football activities during that period, for making a press statement critical of the national football team without FAM's prior consent. The plaintiff's action breached FAM's internal rules prohibiting any of its officials or players from issuing any public statement on the management of FAM's affairs, or from venting grievances or making criticisms hostile to FAM without obtaining its prior consent. Before FAM's Disciplinary Committee, the plaintiff admitted that he made the statements. The committee levied the minimum punishment for his offence thus making it non-appealable under FAM's rules. The plaintiff brought the instant action for various declaratory reliefs to nullify the disciplinary proceedings alleging that the rules of natural justice had not been followed, that the charges against him were defective, that he was selectively prosecuted, that FAM failed to prove its case against him and that the second defendant, who was then FAM's Secretary General and who had framed the charges against him, had acted mala fide. One of the plaintiff's grouses was that he was not legally represented at the disciplinary proceedings. FAM's rules provided that its secretary-general (the second defendant) would represent the deputy president at disciplinary proceedings but because he was the one who had drafted the charges in the instant case, he was disqualified from representing the plaintiff. FAM did not call any witnesses before the disciplinary committee but the plaintiff called four witnesses, one of whom was a lawyer.

F

G

H

I

Held, dismissing the claim with costs:

(1) From the various actions that were taken by FAM against its officials in the past, the court could not agree with the plaintiff that he was a victim of selective prosecution. The truth was otherwise. FAM had previously charged officials who had criticised its administration sending the message that any grievances by its members was an internal matter which must be voiced through the proper channel and not through the media (see para 8).

(2) The plaintiff's allegation that the charges against him were defective had no merit. The facts showed the plaintiff knew the nature of the charges against him and had sufficient time to prepare his defence. He admitted making statements to the press critical of the national football team. The plaintiff's defence was that he was merely giving a general opinion without touching on the administration of FAM. Whilst he was entitled to his opinion on the performance of the national team, he was prohibited by article 88 from criticising the team without FAM's consent. The plaintiff failed to prove he had obtained FAM's written consent before he made the press statement (see paras 11 & 14).

(3) The plaintiff's contention that there was breach of natural justice in the disciplinary proceedings was baseless. He was not prejudiced in any way and no miscarriage of justice had taken place. FAM did not deprive the plaintiff of the right to be legally represented. The second defendant could not represent the plaintiff because of conflict of interest. If the plaintiff had wanted representation he should have raised the issue before the FAM Secretariat but he did not do so. Instead, one of the plaintiff's witnesses at the disciplinary proceedings was a practising lawyer and the minutes showed that that lawyer had raised certain points of law during the hearing. The plaintiff thus had a lawyer to assist him. On the evidence, FAM made out a prima facie case against the plaintiff on both the charges and the burden was on the plaintiff to have exculpated himself (see paras 29 & 32).

(4) Based on the facts of the case, the plaintiff failed to prove that there existed any real danger of bias against him. There was nothing to show the second defendant had acted mala fide. The decision to charge the plaintiff was FAM's and not the second defendant's personal decision. The second defendant had merely carried out his official duty in seeing to it that the drafting of the charges and the disciplinary proceedings were carried out fairly and impartially (see para 36).

[Bahasa Malaysia summary

Plaintif, yang merupakan Timbalan Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia ('FAM') untuk tempoh 2010–2014 telah digantung oleh FAM selama 30 bulan, dan dilarang daripada melibatkan diri dalam aktiviti bola sepak sepanjang tempoh tersebut, kerana telah membuat kenyataan akhbar yang

kritikal tentang pasukan bola sepak kebangsaan tanpa persetujuan terdahulu FAM. Tindakan plaintif telah melanggar peraturan dalaman FAM yang melarang mana-mana pegawai atau pemainnya daripada mengeuarkan apa-apa kenyataan awam tentang pengurusan urusan FAM, atau daripada meluahkan kilanan atau membuat kritikan bersikap bermusuhan terhadap FAM tanpa persetujuannya terlebih dahulu. Di hadapan Jawatankuasa Tatatertib FAM, plaintif telah mengakui bahawa dia telah membuat kenyataan itu. Jawatankuasa telah mengenakan hukuman minimum kerana kesalahannya dengan itu menjadikan ia tidak boleh dirayu di bawah peraturan-peraturan FAM. Plaintif telah memulakan tindakan ini untuk pelbagai relief deklarasi bagi membatalkan prosiding tatatertib mendakwa bahawa peraturan-peraturan keadilan asasi tidak boleh diikuti, bahawa pertuduhan-pertuduhan terhadapnya adalah defektif, bahawa dia telah didakwa secara selektif, bahawa FAM telah gagal untuk membuktikan kesnya terhadapnya dan bahawa defendan kedua, yang merupakan Ketua Setiausaha FAM dan yang telah membuat pertuduhan-pertuduhan terhadapnya, telah bertindak dengan niat jahat. Salah satu daripada keluhan plaintif adalah bahawa dia tidak diwakili secara sah di prosiding tatatertib. Peraturan-peraturan FAM telah memperuntukkan bahawa ketua setiausahanya (defendan kedua) akan mewakili timbalan presiden di prosiding tatatertib tetapi oleh kerana beliau yang telah membuat pertuduhan-pertuduhan dalam kes ini, beliau telah dihilangkan kelayakan daripada mewakili plaintif. FAM tidak memanggil mana-mana saksi di hadapan jawatankuasa tatatertib tetapi plaintif telah memanggil empat orang saksi, salah satunya adalah seorang peguam.

Diputuskan, menolak tuntutan dengan kos:

(1) Berdasarkan pelbagai tindakan yang diambil oleh FAM terhadap pegawai-pegawainya sebelum ini, mahkamah tidak bersetuju dengan plaintif bahawa dia merupakan mangsa pendakwaan secara selektif. Kebenaran adalah sebaliknya. FAM sebelum ini telah membuat pertuduhan terhadap pegawai-pegawai yang mengkritik pentadbirannya yang menghantar mesej bahawa apa-apa aduan oleh ahli-ahlinya adalah perkara dalaman yang perlu disuarakan melalui saluran yang betul dan bukan melalui media (lihat perenggan 8).

(2) Dakwaan plaintif bahawa pertuduhan terhadapnya adalah defektif tidak mempunyai merit. Fakta menunjukkan plaintif mengetahui sifat pertuduhan terhadapnya dan mempunyai masa mencukupi untuk menyediakan pembelaannya. Dia mengakui telah membuat kenyataan kepada siding akhbar tentang pasukan bola sepak kebangsaan. Pembelaan plaintif adalah bahawa dia hanya memberikan pendapat umum tanpa menyentuh tentang pentadbiran FAM. Walaupun dia berhak menyatakan pendapatnya mengenai prestasi pasukan kebangsaan, dia dilarang oleh perkara 88 daripada mengkritik pasukan

itu tanpa persetujuan FAM. Plaintif telah gagal membuktikan dia telah memperoleh persetujuan bertulis FAM sebelum dia membuat kenyataan akhbar itu (lihat perenggan 11 & 14).

(3) Hujah plaintif bahawa terdapat pelanggaran keadilan asasi dalam prosising tatatertib tidak berasas. Dia tidak diprejudiskan dalam apa cara dan tiadak pelaksanaan ketidakadilan telah berlaku. FAM tidak menafikan plaintif hak untuk diwakili oleh peguam. Defendan kedua tidak boleh mewakili plaintif kerana konflik kepentingan. Jika plaintif ingin diwakili peguam dia sepatutnya telah menimbulkan isu itu di hadapan Sekretariat FAM tetapi tidak berbuat demikian. Sebaliknya, salah seorang daripada saksi plaintif dalam prosiding tatatertib adalah seorang peguam dan minit menunjukkan bahawa peguam tersebut telah menimbulkan perkara tertentu tentang perundangan semasa perbicaraan. Plaintif dengan itu mempunyai peguam untuk membantunya. Berdasarkan keterangan, FAM telah menunjukkan kes prima facie terhadap plaintif atas kedua-dua pertuduhan dan beban terletak pada plaintif untuk membersihkan namanya (lihat perenggan 29 & 32).

(4) Berdasarkan fakta kes, plaintif telah gagal membuktikan bahawa terdapat apa-apa bahaya berat sebelah sebenar terhadapnya. Tiada apa-apa menunjukkan defendan kedua telah bertindak dengan niat jahat. Keputusan untuk mendakwa plaintif adalah keputusan FAM dan bukan keputusan peribadi defendan kedua. Defendan kedua hanya melaksanakan tugas rasminya untuk memastikan pertuduhan itu dirangka dan prosiding tatatertib itu dilaksanakan dengan adil dan saksama (lihat perenggan 36).]

Cases referred to

Dato' Tan Heng Chew v Tan Kim Hor [2006] 2 MLJ 293, FC (refd)
Fraser v Mudge and others [1975] 3 All ER 78, CA (refd)

Yusfarizal Yusuf (Mohd Zaid Daud and Azri with him) (Zulpadli & Edham) for the plaintiff.
Richard Bong (Tania, Syed Ismat and Kevin Tan with him) (Bong & Co) for the defendants.

Hadhariah Syed Ismail J:

INTRODUCTION

[1] The plaintiff was suspended for 30 months by the Football Association of Malaysia ('FAM') for making a press statement to the media criticising the performance of the national football team, Harimau Malaya. The sentence imposed upon him is not appealable. The plaintiff came to court seeking for

various declaratory orders to nullify the entire proceeding in the Disciplinary Case No 27 of 2012 by the first defendant against him. The plaintiff alleged the disciplinary proceeding is tainted with irregularity, flawed, invalid and void due to fundamental breach of natural justice. As against the second defendant, the plaintiff seeks declaration that the second defendant had acted mala fide in drafting, preparing and approving the two charges and a letter dated 2 April 2012.

[2] The declaratory orders prayed for:

1 Suatu deklarasi bahawa Pertuduhan Pertama terhadap plaintif yang dikenakan oleh Defendan Pertama di bawah Kes Tatatertib Bil 27/2012 melalui surat bertarikh 16.3.2012 adalah cacat, Tidak sah dan terbatal.

2 Suatu deklarasi bahawa Pertuduhan Kedua terhadap plaintif yang dikenakan oleh Defendan Pertama di bawah Kes Tatatertib Bil 27/2012 melalui surat bertarikh 16.3.2012 adalah cacat, tidak sah dan terbatal.

3 Seterusnya atau secara alternatif, suatu deklarasi bahawa keseluruhan tatacara pertuduhan Kes Tatatertib Bil 27/2012 terhadap plaintif dalam bentuk yang terkandung di dalam surat Defendan Pertama bertarikh 16.3.2012, serta perbicaraan tatatertib pada 4.4.2012 dan hukuman yang dikenakan terhadap plaintif oleh defendan pertama pada 5.4.2012 telah tidak mematuhi prinsip Keadilan asasi yang menjadikan keseluruhan pertuduhan, perbicaraan, keputusan dan hukuman kes Tatatertib terhadap plaintif tersebut sebagai cacat, tidak sah dan terbatal.

4 Seterusnya dan/atau secara alternatif, suatu deklarasi bahawa keseluruhan tatacara perbicaraan Kes Tatatertib Bil 27/ 2012 terhadap plaintif dalam bentuk yang terkandung di dalam surat Defendan Pertama bertarikh 16.3.2012, serta perbicaraan tatatertib pada 4.4.2012 dan hukuman yang dikenakan terhadap plaintif oleh Defendan Pertama pada 5.4.2012 telah tidak mematuhi Statut Persatuan Bolasepak Malaysia dan Kod Tatatertib Persatuan Bolasepak Malaysia yang menjadikan keseluruhan pertuduhan, perbicaraan, keputusan dan hukuman kes Tatatertib terhadap plaintif tersebut sebagai cacat, tidak sah dan terbatal.

5 Seterusnya dan/atau secara alternatif, suatu deklarasi bahawa Defendan Pertama telah gagal sama sekali untuk memuaskan beban membukti ke atas pertuduhan-pertuduhan terhadap Plaintif di dalam perbicaraan Kes Tatatertib Bil 27/2012 pada 4.4.2012.

6 Seterusnya dan/atau secara alternatif, suatu deklarasi bahawa sabitan kesalahan terhadap Pertuduhan Pertama dan Pertuduhan Kedua yang diputuskan terhadap plaintif oleh Defendan Pertama pada mesyuarat perbicaraan Kes Tatatertib Bil 27/2012 pada 4.4.2012 adalah tidak sah dan terbatal.

7 Seterusnya dan/atau secara alternatif, suatu deklarasi bahawa keputusan Defendan Pertama yang terkandung di dalam surat bertarikh 5.4.2012 bahawa plaintif telah didapati bersalah di bawah kesalahan-kesalahan

yang berlainan daripada yang terkandung di dalam surat Pertuduhan Kes Tatatertib Bil 27/2012 bertarikh 16.3.2012, serta menjatuhkan hukuman-hukuman yang tidak sejajar dengan pertuduhan asal adalah suatu kecacatan yang serius yang menjadikan keseluruhan keputusan dan hukuman terhadap plaintif sebagai tidak sah dan terbatal.

8 Suatu deklarasi bahawa Defendan Kedua, sebagai Ketua Sekretariat Defendan Pertama dengan menderaf, menyediakan dan/atau meluluskan Pertuduhan Pertama dan Pertuduhan Kedua yang mengandungi kecacatan yang serius telah bertindak secara mala fide.

9 Suatu deklarasi bahawa Defendan Kedua, dalam menyedia dan meluluskan surat bertarikh 2.4.2012 kepada plaintif yang antara lainnya melarang plaintif daripada membawa wakil tertuduh ke mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib bagi membantu plaintif telah bertindak demikian bagi mengelirukan plaintif dan berniat mala fide.

10 Seterusnya dan/atau secara alternatif, suatu deklarasi bahawa dengan terbayarnya kos Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib pada 4.4.2012 sebanyak RM2,124.00 sebagaimana yang diarahkan oleh Defendan Pertama, maka hukuman tatatertib yang dikenakan terhadap plaintif iaitu tidak boleh melibatkan diri dalam aktiviti bolasepak adalah dengan itu terbatal.

11 Seterusnya dan/atau secara alternatif, suatu injunksi untuk menghalang Defendan Pertama dan Defendan Kedua daripada menghalang plaintif daripada menjalankan tugasnya sebagai Timbalan Presiden Defendan Pertama dan lain-lain jawatannya dalam Defendan Pertama serta melibatkan diri dalam segala aktiviti bolasepak.

FACTS

[3] The plaintiff is the Deputy President of Football Association of Malaysia (FAM), elected for the term 2010–2014. He is also the President of the Kelantan Amateur Football Association ('KAFA') since 2007. The second defendant is the Secretary General of FAM. The plaintiff was invited to officiate an event namely 'Bengkel Pemasaran dan Pembangunan Kelab Penyokong' organised by Malaysia Super League Sdn Bhd, an event sanctioned by FAM on 12–13 March 2012. A press conference was tentatively set to take place on 12 March 2012 after the officiating ceremony. However, the press conference only took place on 13 March 2012 after the closing ceremony. During the press conference on 13 March 2012, the plaintiff was asked by reporters on the performance of national team, 'Harimau Malaya'. He gave his statement. His statement was reported by *Harian Metro* on Wednesday, 14 March 2012 in the article titled 'Harimau Malaya Longlai' 'Anuar bimbang prestasi pasukan negara untuk pertahankan Piala AFF'. On the basis the press statement was made without the consent of FAM and his statements contained grievances and criticisms against the management of FAM and the national football team, an act in contravention of article 88 of the FAM Statute, FAM

had charged the plaintiff with two charges.

Pertuduhan Pertama

Bahawasanya, Yang Berbahagia Tan Sri, Timbalan Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia, iaitu Pegawai Persatuan mengikut Tafsiran 2.2.21 dan 2.1.22, Kod Tatatertib FAM Edisi 2011, selepas ini disebut sebagai Tertuduh, telah membuat kenyataan secara lisan atau bertulis kepada media cetak atau media elektronik atau menyumbangkan apa-apa rencana kepada media tanpa mendapat izin secara bertulis atau lisan mengikut Artikel 88 Statut FAM, bahawa rencana tersebut adalah untuk menyampaikan kilanan, rungutan atau menyampai perasaan tidak puashati mengenai urusan pentadbiran hal ehwal FAM apabila Tertuduh membuat kenyataan akhbar di dalam akhbar Harian Metro pada hari Rabu, 14 Mac 2012 di muka surat 68 dengan tajuk:

'Harimau Malaya Longlai'

'Anuar bimbang prestasi pasukan Negara untuk pertahankan Piala AFF'.

Kenyataan akhbar tersebut telah melanggari Perkara 4.5.8 (i), Kod Tatatertib FAM Edisi 2011 dan dianggap satu kesalahan serius mengikut Perkara 5.8.1 Kod Tatatertib FAM apabila tersiar dalam Buletin Utama TV3 pada 13 Mac 2012 dan Astro Arena saluran 801 pada jam 7.30 malam dan 11.00 malam pada 13 Mac 2012 serta pada 7.00 petang ulangan pada 14 Mac 2012 dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman mengikut Kod Tatatertib FAM Edisi 2011 atau mengikut Perkara 6.2.2, Kod Tatatertib FAM Edisi 2011.

Pertuduhan Kedua

Bahawasanya, Tertuduh, telah membuat kenyataan secara lisan atau bertulis kepada media cetak atau media elektronik atau menyumbangkan apa-apa rencana kepada media tanpa mendapat izin secara bertulis atau lisan mengikut Artikel 88 Statut FAM, bahawa rencana tersebut adalah bercanggah, mempertikai, mempersoal atau fakta yang diberikan adalah tidak tepat atau bercanggah dengan keputusan Mesyuarat Eksekutif FAM ke 4 pada 4 Februari 2012 serta Pekeliling FAM berkaitan dengan peringatan daripada KDYTM Tuanku Timbalan Presiden, FAM semasa Mesyuarat Eksekutif FAM ke 4 pada 4 Februari 2012 dan rujuk surat FAM/EXCO ke 4/3/DAAA/AFD bertarikh 14 Februari 2012, apabila Tertuduh membuat kenyataan akhbar di dalam akhbar Harian Metro pada hari Rabu 14 Mac 2012 di muka surat 68 dengan tajuk:

'Harimau Malaya Longlai'

'Anuar bimbang prestasi pasukan Negara untuk pertahankan Piala AFF'.

Perkara yang sama juga telah dibangkitkan oleh Ke Bawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tuanku Timbalan Presiden FAM semasa mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif FAM telah mengatakan: 'Baginda melahirkan rasa bimbang terhadap keadaan yang berlaku di dalam padang dan di luar padang sejak kebelakangan ini dan menyebut bahawa FAM banyak menerima kritikan, namun demikian ada juga pujian yang dilontarkan kepada FAM berkaitan dengan prestasi dan keupayaan Pasukan Kebangsaan. Apa yang menyedihkan saya ialah kritikan-kritikan ini datangnya daripada kita sendiri dan

juga dibentangkan kepada pihak media massa. Ini seolah-olah kita menelanjangi diri sendiri dan lebih terdedah kritikan namun kelemahan permasalahan tidak juga tercapai'.

(Rujuk perenggan ke 2 Titah KDYTM Tuanku Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif FAM) Seterusnya dalam titah yang sama, Baginda menyarankan, '... Kita semua hendaklah menghormati keputusan Jawatankuasa-Jawatankuasa ini dan sekiranya keputusan Jawatankuasa tidak memuaskan, maka keputusan tersebut boleh dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Eksekutif atau semasa perjumpaan bulanan bersama saya'.

(Rujuk ayat akhir perenggan ke 3, Titah KDYTM Tuanku Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif FAM).

Dikembarkan cabutan Minit Agenda 2, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif, FAM pada 4 Februari 2012.

Perlu dinyatakan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Kebangsaan yang dipengerusikan oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Tuanku Presiden FAM adalah Pegawai FAM yang lebih mempunyai hak dalam segala urusan, termasuklah membuat kenyataan akhbar dan juga mengenai prestasi Pasukan Kebangsaan.

Di dalam pekeliling yang dikeluarkan oleh FAM bertarikh 14 Februari 2012 iaitu menerangkan peringatan KDYTM Tuanku Timbalan Presiden FAM semasa mempengerusikan mesyuarat Eksekutif FAM melalui surat FAM/EXCO Ke 4/3/DAA/AFD di para 3.3 telah jelas menyatakan:

'Sebarang kilanan atau apa-apa keputusan yang dibuat oleh Badan Persatuan yang tidak memuaskan hati mana-mana pihak, ia hendaklah disampaikan kepada Sekretariat Agung atau dirujuk kepada Presiden atau Timbalan-Timbalan Presiden FAM untuk tindakan selanjutnya dan tidak boleh serta dilarang sama sekali dibawa kepada pihak media massa.

Oleh yang demikian, kenyataan akhbar oleh Tertuduh di dalam akhbar Harian Metro pada hari Rabu 14 Mac 2012 di muka surat 68 adalah melanggari Perkara 4.5.8 (i) Kod Tatatertib FAM Edisi 2011 dan dianggap satu kesalahan serius mengikut Perkara 5.8.1 Kod Tatatertib FAM apabila tersiar dalam Buletin Utama TV3 pada 13 Mac 2012 dan Astro Arena saluran 801 pada jam 7.30 malam dan 11.00 maiam pada 13 Mac 2012 serta pada 7.00 petang ulangan pada 14 Mac 2012 dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman mengikut Kod Tatatertib FAM Edisi 2011 atau mengikut Perkara 6.2.2, Kod Tatatertib FAM Edisi 2011'.

[4] The plaintiff admitted that he gave the statement as quoted in the *Harian Metro*'s article. But he stated that the title of the *Harian Metro*'s article is not his word. The hearing of the charges was held before the disciplinary committee meeting on 4 April 2012. Under the FAM Statute, the plaintiff shall be represented by the secretary general of FAM. But, in this case, the secretary general (the second defendant herein) could not represent the plaintiff as he was the one who had initiated the framing of the charges. Hence, there was a conflict of interest. For that reason, the plaintiff was not represented in the proceeding. Nevertheless, the plaintiff called four witnesses, namely Tuan Hj

Kamarudin bin Abdullah, Tuan Hj Rosamdi bin Ismail, En Amir Abdillah and En Stuart Ramalingam. FAM did not call any witness in the proceeding. After a full hearing before the disciplinary committee, the plaintiff was found guilty in respect of the first charge and sentenced him to a two years suspension. The disciplinary committee also found the plaintiff guilty for the second charge and sentenced him to a six months suspension. The plaintiff was also informed via a letter dated 5 April 2012 from FAM that the said sentences handed out were minimum sentences under the FAM Disciplinary Code 2011th Ed and therefore they were not appealable to the FAM Appeals Committee pursuant to item 7.1.2(xiii) of the FAM Disciplinary Code 2011th Ed. In the same letter, the plaintiff was further informed that he was prohibited from being involved in any football activities.

[5] The plaintiff challenged the entire disciplinary proceedings were flawed, invalid and void. He raised the following issues:

(a) selective prosecution by the plaintiff;

(b) defective charges;

(c) breach of natural justice;

(d) the first defendant failed discharge the burden of proof; and

(e) mala fide by the second defendant.

[6] I shall deal with the issues one by one.

SELECTIVE PROSECUTION

[7] The plaintiff alleged that the decision by FAM to frame a charge against him by itself is a breach of natural justice. The reason being, he is not the only FAM's official who makes a press statement to the media with regards to the FAM's administration. There are others who made a worse statement than the plaintiff. The plaintiff had exhibited several paper cuttings, which shows that other FAM's official had made statement in media complaining on the FAM's administration. This includes statement by Datuk Hamidin Mohd Amin (vice president), the second defendant himself, KDYTM Tuanku Timbalan Presiden, Ismail Ibrahim (Coach Harimau Muda B) and Tunku Ellie Badariah Tunku Ahmad (Vice President PBSWM). However, FAM had not charged any of these individuals. The question posed by the plaintiff is why only he was charged and not the others? There is no answer. One can only guess. The only logical explanation is probably there is not enough evidence to support a charge. Any way, FAM reply to this issue. They say they charged the plaintiff because there is concrete evidence. I accept FAM's answer. Lately, there was a wide coverage or concerned raised in the media by certain quarter that article

88 of FAM Statute should be scrapped. The national dailies even listed the names of the individuals charged by FAM for violating of article 88. These individuals are listed below:

Year	Name	Offence	Punishment
2009	B Sathianathan (former national coach)	said 'M-League is Not Football' during a post-match conference after the Asian Cup qualifiers thrashing to UAE 5-0 in Kuala Lumpur	six months ban
	Reduan Abdullah (former Felda United coach)	questioned FAM's fitness test for national players.	one year ban and RM4,000 fine
2010	B Sathianathan (former Kelantan coach)	complained of unfair scheduling of M-League fixtures.	six months ban
	Che Ku Marzuki (former T-Team coach)	complained of unfair scheduling of M-League fixtures.	six months ban and RM2,000 fine
	Tan Sri Annuar Musa (FAM Deputy President)	criticised the national team's performance	30 months ban
2011	Wan Jamak Wan Hassan (former Kedah coach)	criticised the standard of refereeing.	seven match ban
	Abdul Rahman Ibrahim (PKNS FC coach)	criticised the standard of refereeing.	six match ban
2013	Datuk Seri Shahidan Kassim (Perlis FA president)	wanted FAM revamped and expressed regret over failure to deal with match fixing allegations.	30 months ban and RM39,000 fine
	Tunku Ismail Sultan Ibrahim (Johor FA president)	criticised the standard of refereeing and questioned FAM's credibility in curbing match fixing.	six months ban and RM18,000 fine

[8] From the various actions taken by FAM against its official, I could not agree with the plaintiff that there was a selective prosecution. The truth seems

to be otherwise. FAM had the tendency to charge its officials whenever there is criticism made touching its administration. It is not whose who to be charged. The message sent by FAM by these prosecutions is any grievances by its member is an internal matter and must be voiced through a proper channel. Not through a media. On those ground, I find the issue of selective prosecution alleged by the plaintiff is a non starter and must fail.

DEFECTIVE CHARGES

[9] The first charge was formulated pursuant to article 88 of the FAM Statutes and para 4.5.8 (i) of FAM Disciplinary Code 2011th Ed, punishable under Item 6.2.2 of the FAM Code.

Article 88 of FAM Statutes states:

Except for routine releases to the press by the President or the General Secretary, no official, coaches of FAM or referee or any Member or Associate Member, or player registered or employed with any Member or Associate Member, unless sanctioned by the congress shall contribute any article on the management of affairs of FAM, vent grievances, supposed or real or right criticisms hostile to FAM (Member or Associate Member).

Item 4.5.8 (i) of FAM Disciplinary Code 2011th Edition states:

Pegawai dan Pemain tidak boleh membuat sebarang kenyataan samada secara lisan atau bertulis kepada media cetak atau media elektronik atau menyumbangkan apa-apa rencana kepada media tanpa mendapat izin secara bertulis atau lisan mengikut Artikel 88 Statut FAM serta Jawatankuasa berpuashati apabila kenyataan atau sumbangan rencana tersebut:

(i) Menyentuh atau menyampaikan kilanan, rungutan atau menyampaikan perasaan tidak puashati mengenai urusan pentadbiran hal ehwal FAM atau pengelolaan Liga Malaysia atau lain-lain pertandingan yang direstui atau diluluskan oleh FAM.

Item 6.2.2 of FAM Disciplinary Code 2011th Edition States:

Hukuman terhadap Pemain atau Pegawai

(1) Amaran keras

(2) Denda maksimum RM50,000.00 bagi pegawai dan maksimum RM25,000.00 bagi pemain.

(3) Denda maksimum RM10,000.00 untuk kategori Pemain Belia 17 tahun dan ke bawah.

(4) Menjatuhkan lain-lain hukuman seperti yang diperuntukkan di dalam Kod.

[10] The defects of the charges complain of by the plaintiff are:

(i) the time and place the statement was given by the plaintiff was not stated;

(ii) the very statement alleged to contain 'kilanan, rungutan atau perasaan tidak puashati' was not mentioned at all in the charge;

(iii) the potential punishment provided under the FAM Code itself was conspicuously missing; and

(iv) the 'Titan' KDYTM Tuanku Timbalan Presiden is not a 'keputusan' of EXCO meeting.

